

GoldenSecure-*i* Style

(This is a Takaful product)

Maximise your investment potentials



Protection by PIDM on benefits payable from the unit portion of this certificate is subject to limitations. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact AmMetLife Takaful Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

A PIDM member

Managed by:

 **AmMetLife** Takaful

 **AmBank Islamic**

GoldenSecure-*i* Style

GoldenSecure-*i* Style is a single contribution investment-linked takaful plan, which provides both investment benefits and takaful coverage. It is an opportunity for you to contribute in one lump sum at a high allocation rate and receive takaful benefits in the event of death or total and permanent disability (TPD) or critical illness (CI).

Benefits of GoldenSecure-*i* Style

- **High Allocation Rate**

Allocation rate is the percentage of your contribution used to purchase units in the funds. GoldenSecure-*i* Style offers competitive allocation rates of 95% (i.e. a larger portion of your contributions will be allocated into the funds), enabling you to fast track your financial objectives.

- **Death, Total Permanent Disability (TPD) or Critical Illness (CI) Benefits**

In the event of death, TPD or CI when the certificate is in force, the sum covered or the prevailing value of units in the Participants Investment Fund (PIF) at unit price, whichever is higher, is payable.

- **Surrender**

The Certificate may be surrendered at any time for the prevailing value of PIF units at unit price, less a surrender fee.

- **Partial Withdrawal**

Should the need arise, partial withdrawals may be made from the PIF. The minimum withdrawal amount is RM1,000 and the minimum remaining investment balance after partial withdrawal in the PIF is RM2,000.

- **Maturity**

Upon maturity, the prevailing value of PIF units at the unit price is payable.

- **Surplus Distribution**

50% of the net surplus (if any) from the Participants Risk Fund (PRF) will be distributed to the participants by crediting additional units into the PIF and 50% to AmMetLife Takaful Berhad. The PIF is linked to the performance of the said funds. 100% of the profit from the investment performance will be retained in PIF.

- **Switching**

You may switch the funds at any time without any fee.

- **Claims**

For any claims related issues, do not hesitate to contact us immediately.



Answering Your Concerns

Minimum/Maximum Age at Entry

Minimum entry age is 30 days old for participant and 18 years old for certificate holder.

Maximum entry age is 60 years old for participant and certificate holder.

Age is defined as age next birthday.

Coverage

Upon death/TPD/CI, the higher of sum covered or prevailing value of PIF will be payable.

Sum Covered

The sum covered payable is 125% single contribution + 100% top-up – 100% withdrawal.

Contributions

The minimum single contribution amount is RM5,000.

Contribution Allocation

A proportion of your contribution will be allocated to create units within the funds as below:

• AmMetLife Takaful Sukuk Fund

The fund's investment objective is to allow low-risk takers to enjoy the higher than average income earned from Islamic fixed deposits, over the medium to long term investment horizon, via investment in a diversified portfolio of Islamic fixed income securities (Sukuk), largely in Government Investment Issues and Shariah-compliant corporate bonds and money market instruments.

• AmMetLife Takaful Equity Fund

The fund aims to achieve superior capital appreciation over the medium to long-term period by investing in a diversified portfolio consisting of Shariah-compliant Malaysian equities listed on Bursa Malaysia.

• AmMetLife Takaful Balanced Fund

This fund's objective is to achieve moderate capital growth over the medium to long-term period by investing in a balanced portfolio of Shariah-compliant Malaysian equities, fixed income securities (Sukuk) and collective investment schemes.

• AmMetLife Takaful Balanced Plus Fund

This fund aims to provide the certificate holder with an opportunity to gain potentially higher return than Shariah-compliant fixed deposits, over a medium to long term investment horizon, through investing in Shariah-compliant collective investment schemes ("CIS").

What are the major exclusions under this plan?

Death benefit will not be payable if death is due to suicide, while sane or insane, within 12 months from the commencement date, or if death arises while the participant is under the influence of alcohol, narcotics, or drugs, or if death is due to pre-existing condition not disclosed to AmMetLife Takaful.

TPD/CI benefit will not be payable if TPD/CI is due to self-inflicted bodily injuries or attempted suicide while sane or insane, or while the participant is under the influence of alcohol, narcotics, or drugs, or if TPD/CI is due to pre-existing condition not disclosed to AmMetLife Takaful, or if TPD/CI is due to disability occurring before the inception of the Certificate.

Disclaimer: The list of exclusions is not exhaustive and reference should be made to the comprehensive list contained in the Takaful Certificate.



Fees, Charges and Deductions

a. Wakalah Fee

5% of the single contribution will be charged as wakalah fee.

b. Tabarru’ (Donations)

The tabarru’ amount are deducted monthly from the value of your PIF. The tabarru’ amount increases as you grow older. Details of the tabarru’ amount and other charges for this plan are illustrated in the Benefit Illustration.

c. Commissions payable to intermediaries

The commission payable to intermediaries for single contribution is 3.75%.

d. Monthly Service Fee

RM5 will be deducted monthly from the value of your PIF.

e. Fund Management Fee

Up to 1.5% p.a. of the net asset value is charged.

f. Surrender Fee

Upon surrender, the following fee will be deducted from your cash value.

Certificate Year	Surrender Fee
Year 1 to 3	RM100
Year 4 onwards	Nil



Important Notes

- To participate in an investment-linked family takaful plan is a long-term commitment. Early termination of the plan involves high cost and the withdrawal value is dependent on prevailing market values of the underlying assets of the unit fund. Therefore, the withdrawal value may be less than the total contributions paid.
- The plan value may rise or fall as the fund performances is not fixed. The investment risk will be solely borne by you and the account value of PIF may be lesser than the total contributions contributed to the fund.
- The Tabarru’ and other charges for the plans are not guaranteed and AmMetLife Takaful reserve the right to revise the Tabarru’ and the charges by giving you 3 months’ prior written notice.
- AmMetLife Takaful may close a fund, cease to allow allocating funds or cease to allow any switching of units by giving 3 months’ written notice subject to the approval of relevant regulatory authorities. You may then redeem the units or transfer the units to other available funds.
- If you cease your contribution payment, your certificate will continue to be in force as long as the value of invested units in the PIF is sufficient to be deducted for the tabarru’ and other charges; otherwise the certificate will lapse.
- The certificate will not provide benefit amount from the PRF upon termination, surrender or maturity.
- It is advisable to utilise the top-up facility as a means to maximise the investment value of a regular contribution investment-linked family takaful plan.
- You should satisfy yourself that this plan can best serve your needs, and that the contributions payable is affordable.
- You are free to review the certificate within 15 calendar days from the receipt date of the certificate, and cancel it without assigning any reason. Value of PIF units (if any) at the unit price, unallocated contributions, any fees and charges that have been deducted, less medical expenses which may have been incurred, will be refunded.
- The contributions for this plan will entitle you for individual income tax relief subject to the final decisions of the Inland Revenue Board.
- Please refer to the Benefit Illustration for detailed illustration of this plan.
- This brochure is a brief description of the product. Please refer to the takaful certificate for full details on terms and conditions.
- **This is a takaful product that is tied to the performance of underlying assets, and is not a pure investment product such as unit trusts.**

Frequently Asked Questions

1. What are the applicable Shariah concepts?

a. Wakalah

This plan applies wakalah concept, where all certificate holders appoint AmMetLife Takaful to act on behalf of them to invest and manage the PIF and PRF. AmMetLife Takaful is entitled to a wakalah fee, as disclosed in the Benefit Illustration, for managing and investing the funds.

b. Tabarru'

This plan applies tabarru' concept, where all certificate holders agree to donate a specified portion from the PIF into the PRF for the purpose of mutual aid and assistance to all certificate holders in times of misfortune.

c. Qard

An interest-free loan from AmMetLife Takaful in the event that the PRF is in deficit. The loan will be paid (in equivalent counter value) from the future surplus arising from the PRF.

2. What is the difference between a conventional based investment-linked plan and a takaful based investment-linked plan?

The main difference is, under a takaful based investment-linked plan, the allocated contribution for investment purposes, are invested in Shariah-approved funds. In addition, the plan enables you to benefit from the net surplus (if any) available in the PRF by crediting additional unit(s) into the PIF.

3. How is my contribution being invested?

AmMetLife Takaful allocates a portion of the contribution to purchase units in the investment-linked fund that you have chosen. Any unallocated amount (wakalah fee) will be used to pay commissions to agents/financial advisers and other expenses of AmMetLife Takaful. You are advised to refer to the allocation rates given in the Benefit Illustration.

Your Takaful Certificate will continue to be in force as long as the value of invested units in the PIF is sufficient to be deducted for the basic plan tabarru' and other charges; otherwise the Takaful Certificate will lapse.

4. How much contribution do I have to pay?

The total contribution that you have to pay and the Takaful Certificate terms may vary depending on the risk classification based on the underwriting requirements of AmMetLife Takaful.

5. Can I cancel my Takaful Certificate?

Participating in this investment-linked takaful plan is a long term financial commitment. It is not advisable to hold this Takaful Certificate for a short period of time in view of the high initial costs. If you find the fund that you have chosen is no longer appropriate, you have the flexibility to switch the fund at any time without any fee. If you cancel your Takaful Certificate, you may get back less than the contribution you have paid and you and your family will no longer benefit from this plan.

6. What would happen if my unit fund value becomes zero or negative?

Once a Certificate has a unit balance going to zero for all funds, a grace period of 30 days is given to the certificate holder to pay the contribution or top-up their Certificate. In the event that the grace period ends, the Certificate will lapse. The certificate holder is allowed to reinstate the Certificate and is subject to the normal reinstatement rules and procedures applicable at that time.

GoldenSecure-*i* Style

GoldenSecure-*i* Style adalah plan takaful berkaitan pelaburan dalam bentuk sumbangan tunggal, yang menyediakan kedua-dua manfaat pelaburan dan perlindungan takaful. Ini adalah peluang untuk anda menyumbang secara sekaligus pada kadar peruntukan yang tinggi dan menerima manfaat-manfaat takaful jika berlaku kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal (HUMK) atau penyakit kritikal (PK).



Manfaat-manfaat GoldenSecure-*i* Style

- **Kadar Peruntukan yang Tinggi**

Kadar peruntukan merupakan peratusan daripada sumbangan anda yang digunakan untuk membeli unit-unit di dalam dana-dana. GoldenSecure-*i* Style menawarkan kadar peruntukan yang kompetitif iaitu 95% (di mana sebahagian besar daripada sumbangan anda akan diperuntukkan ke dalam dana-dana sedia ada), membolehkan anda untuk mencapai objektif-objektif kewangan anda dengan cepat.

- **Manfaat-manfaat Kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) atau Penyakit Kritikal (PK)**

Sekiranya berlaku kematian, HUMK atau PK ketika sijil berkuatkuasa, jumlah perlindungan atau nilai semasa unit-unit di dalam Dana Pelaburan Peserta-peserta (DPP) pada harga unit, yang mana lebih tinggi, akan dibayar.

- **Penyerahan**

Sijil ini boleh diserahkan pada bila-bila masa untuk nilai semasa unit-unit DPP pada harga unit, ditolak fi serahan.

- **Pengeluaran Sebahagian**

Sekiranya timbul keperluan, pengeluaran sebahagian boleh dibuat daripada DPP. Pengeluaran minimum ialah RM1,000 dan syarat baki minimum pelaburan selepas pengeluaran sebahagian di dalam DPP ialah RM2,000.

- **Kematangan**

Apabila matang, nilai semasa unit-unit DPP pada harga unit akan dibayar.

- **Pengagihan Lebihan**

50% daripada lebihan bersih (jika ada) daripada Dana Risiko Peserta-peserta (DRP) akan diagihkan kepada peserta-peserta dengan mengkreditkan unit-unit tambahan ke dalam DPP dan 50% kepada AmMetLife Takaful Berhad. Nilai DPP adalah bergantung kepada prestasi dana-dana tersebut. 100% keuntungan prestasi pelaburan akan dikekalkan di dalam DPP.

- **Penukaran**

Anda boleh menukar dana-dana pada bila-bila masa tanpa dikenakan sebarang fi.

- **Tuntutan**

Untuk sebarang isu berkaitan tuntutan, sila hubungi pihak kami dengan segera.

Menjawab Persoalan Anda

Umur Penyertaan Minimum/Maksimum

Umur penyertaan minimum bagi peserta adalah 30 hari dan 18 tahun bagi pemegang sijil.

Umur penyertaan maksimum pula adalah 60 tahun bagi peserta dan pemegang sijil.

Umur ditakrifkan sebagai umur pada hari lahir akan datang.

Perlindungan

Sekiranya berlaku kematian/HUMK/PK, jumlah perlindungan atau nilai semasa DPP, yang mana lebih tinggi, akan dibayar.

Jumlah Perlindungan

Jumlah perlindungan yang akan dibayar adalah 125% daripada sumbangan tunggal + 100% penambahan – 100% pengeluaran.

Sumbangan

Amaun sumbangan tunggal minimum adalah RM5,000.

Peruntukan Sumbangan

Sebahagian daripada sumbangan anda akan diperuntukkan untuk mewujudkan unit-unit di dalam dana-dana berikut:

• AmMetLife Takaful Sukuk Fund

Objektif pelaburan dana ini adalah untuk memberi peluang kepada pengambil risiko rendah untuk menikmati pendapatan lebih tinggi daripada purata pendapatan diperolehi dari deposit tetap berlandaskan Islam, bagi pelaburan jangka masa sederhana ke jangka masa panjang, melalui pelaburan di dalam portfolio pelbagaian sekuriti-sekuriti berpendapatan tetap berlandaskan Islam (Sukuk), di mana kebanyakannya dalam Pelaburan Terbitan Kerajaan dan bon-bon Korporat yang berlandaskan Syariah serta instrumen-instrumen pasaran kewangan.

• AmMetLife Takaful Equity Fund

Dana ini bertujuan untuk mencapai penilaian modal yang tinggi bagi pelaburan jangka masa sederhana ke jangka masa panjang dengan melabur di dalam pelbagai portfolio yang terdiri dari ekuiti-ekuiti Malaysia yang berasaskan Syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia.

• AmMetLife Takaful Balanced Fund

Objektif dana ini adalah untuk mencapai pertumbuhan modal sederhana ke atas jangka masa sederhana ke jangka masa panjang dengan melabur di dalam portfolio seimbang dalam ekuiti-ekuiti Malaysia yang berasaskan Syariah, sekuriti pendapatan tetap (Sukuk) dan skim-skim pelaburan berkelompok.

• AmMetLife Takaful Balanced Plus Fund

Dana ini bertujuan untuk memberikan pemegang sijil peluang untuk mendapat pulangan yang lebih tinggi daripada deposit tetap patuh Syariah, dalam satu tempoh jangka masa sederhana ke jangka masa panjang horizon pelaburan, melalui pelaburan di dalam skim-skim pelaburan kolektif ("SPK") yang patuh Syariah.



Menjawab Persoalan Anda

Apakah pengecualian-pengecualian utama di dalam pelan ini?

Manfaat kematian tidak akan dibayar jika kematian adalah disebabkan oleh bunuh diri, sama ada dalam keadaan waras atau tidak waras, dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kuatkuasa, atau jika kematian berlaku semasa peserta di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau penyalahgunaan dadah, atau jika kematian disebabkan oleh keadaan yang sedia ada yang tidak didedahkan kepada AmMetLife Takaful.

Manfaat HUMK/PK tidak akan dibayar jika HUMK/PK adalah disebabkan oleh percubaan bunuh diri atau perbuatan mencederakan diri sendiri sama ada dalam keadaan waras atau tidak waras, atau semasa peserta di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau penyalahgunaan dadah, atau jika HUMK/PK disebabkan oleh keadaan sedia ada yang tidak didedahkan kepada AmMetLife Takaful, atau HUMK/PK disebabkan oleh kehilangan upaya yang berlaku sebelum permulaan Sijil.

Penafian: Senarai pengecualian adalah tidak lengkap dan rujukan harus dibuat kepada senarai lengkap yang terkandung di dalam Sijil Takaful.



Fi, Caj dan Potongan

a. Fi Wakalah

5% daripada sumbangan tunggal akan dicaj sebagai fi wakalah.

b. Tabarru' (Derma)

Amaun tabarru' akan ditolak secara bulanan daripada nilai DPP anda. Amaun tabarru' akan meningkat seiring dengan umur anda. Butiran amaun tabarru' dan caj-caj lain untuk pelan ini diilustrasikan di dalam Ilustrasi Manfaat.

c. Komisyen yang Dibayar kepada Perantara

Komisyen yang dibayar kepada perantara untuk sumbangan tunggal adalah 3.75%.

d. Fi Perkhidmatan Bulanan

RM5 akan ditolak secara bulanan daripada nilai DPP anda.

e. Fi Pengurusan Dana

Fi pengurusan dana sehingga 1.5% setahun daripada nilai aset bersih akan dikenakan.

f. Fi Serahan

Fi berikut akan ditolak daripada nilai tunai anda jika berlaku serahan.

Tahun Sijil	Fi Serahan
Tahun 1 hingga 3	RM100
Tahun 4 dan ke atas	Tiada

Nota Penting

- Penyertaan di dalam pelan takaful berkaitan pelaburan merupakan komitmen jangka masa panjang. Penamatan awal sijil melibatkan kos yang tinggi dan nilai pengeluaran bergantung kepada nilai pasaran semasa aset-aset sandaran dana unit tersebut. Oleh itu, nilai pengeluaran mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang telah dibayar.
- Nilai sijil mungkin naik atau turun kerana prestasi dana adalah tidak tetap. Risiko pelaburan akan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan nilai akaun DPP mungkin berkurangan daripada jumlah sumbangan yang telah disumbangkan ke dalam dana.
- Tabarru' dan lain-lain caj untuk pelan ini adalah tidak dijamin dan AmMetLife Takaful berhak untuk menyemak semula Tabarru' dan caj tersebut dengan memberi anda 3 bulan notis bertulis terlebih dahulu.
- AmMetLife Takaful mungkin menutup dana, berhenti membenarkan peruntukan dana atau berhenti membenarkan pertukaran unit dengan memberikan notis bertulis 3 bulan tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan. Anda kemudiannya boleh menebus atau memindah unit ke dana lain yang disediakan.
- Jika anda berhenti membayar sumbangan, sijil anda akan diteruskan selagi nilai pelaburan unit di dalam DPP anda mencukupi untuk penolakan tabarru' dan caj-caj lain; jika tidak sijil akan luput.
- Sijil ini tidak akan membayar amaun manfaat dari DRP apabila berlaku penamatan, serahan atau kematangan.
- Anda disarankan untuk menggunakan kemudahan sumbangan tambahan sebagai satu cara untuk memaksimumkan nilai pelaburan sumbangan berkala pelan berkaitan pelaburan.
- Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini menepati keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar adalah jumlah yang anda mampu bayar.
- Anda bebas mengkaji semula sijil dalam tempoh 15 hari kalendar bermula dari tarikh penerimaan sijil, dan membatalkan sijil tanpa mengemukakan sebarang alasan. Nilai unit DPP (jika ada) pada harga unit, sumbangan tidak diperuntukkan, sebarang fi dan caj yang telah dikenakan, setelah ditolak perbelanjaan perubatan yang mungkin telah digunakan, akan dikembalikan.
- Sumbangan-sumbangan untuk pelan ini akan melayakkan anda untuk pelepasan cukai individu tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- Sila rujuk Ilustrasi Manfaat untuk ilustrasi penuh pelan ini.
- Risalah ini mengandungi keterangan ringkas mengenai produk ini. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk butiran lengkap tentang terma-terma dan syarat-syarat.
- **Ini adalah produk takaful yang berkaitan dengan prestasi aset sandaran, dan bukan merupakan produk pelaburan tulen seperti unit amanah.**

Soalan-soalan Lazim

1. Apakah konsep-konsep Syariah yang diguna pakai?

a. Wakalah

Pelan ini mengguna pakai konsep wakalah di mana semua pemegang sijil melantik AmMetLife Takaful untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan mengurus DPP dan DRP. AmMetLife Takaful berhak mendapat Fi Wakalah, seperti yang dinyatakan dalam Ilustrasi Manfaat untuk, mengurus dan melabur dana.

b. Tabarru'

Pelan ini mengguna pakai konsep tabarru', di mana semua pemegang sijil bersetuju untuk menderma sebahagian daripada DPP kepada DRP untuk tujuan saling bantu-membantu antara semua pemegang sijil semasa ditimpa musibah.

c. Qard

Pinjaman tanpa faedah daripada AmMetLife Takaful sekiranya DRP berada dalam keadaan defisit. Pinjaman ini akan dibayar semula (dengan nilai yang setara) apabila terhasil lebihan daripada DRP pada masa hadapan.

2. Apakah perbezaan di antara pelan berkaitan pelaburan berasaskan konvensional dan pelan berkaitan pelaburan berasaskan takaful?

Perbezaan yang ketara adalah, bagi pelan berkaitan pelaburan berasaskan takaful, sumbangan yang diperuntukkan untuk tujuan pelaburan akan dilaburkan di dalam dana-dana yang diluluskan Syariah. Selain itu, pelan ini membolehkan anda untuk mendapat manfaat daripada lebihan bersih (jika ada) dari DRP dengan mengkreditkan unit tambahan ke dalam DPP.

3. Bagaimanakah sumbangan saya dilaburkan?

AmMetLife Takaful memperuntukkan sebahagian daripada sumbangan untuk membeli unit-unit dana berkaitan pelaburan yang telah anda pilih. Sebarang amaun tidak diperuntukkan (fi wakalah) akan digunakan untuk membayar komisen-komisen kepada ejen-ejen/penasihat-penasihat kewangan dan perbelanjaan-perbelanjaan lain AmMetLife Takaful. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada kadar peruntukan yang diberi di dalam Ilustrasi Manfaat.

Sijil Takaful anda akan terus berkuatkuasa selagi nilai unit-unit yang dilaburkan di dalam DPP mencukupi untuk menolak tabarru' pelan asas dan caj-caj lain; jika tidak Sijil Takaful akan luput.

Soalan-soalan Lazim

4. Berapakah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah sumbangan yang perlu anda bayar dan terma-terma Sijil Takaful mungkin berbeza bergantung kepada klasifikasi risiko berdasarkan keperluan pengunderaitan AmMetLife Takaful.

5. Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful saya?

Penyertaan di dalam pelan takaful berkaitan pelaburan ini merupakan komitmen jangka masa panjang. Anda tidak dinasihatkan untuk menyimpan Sijil Takaful ini untuk tempoh masa yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi. Jika anda mendapati dana yang anda telah pilih tidak lagi bersesuaian, anda mempunyai fleksibiliti untuk menukar dana pada bila-bila masa tanpa sebarang fi. Jika anda membatalkan Sijil Takaful anda, anda mungkin mendapat kurang daripada sumbangan yang telah anda bayar dan anda dan keluarga anda tidak akan mendapat manfaat dari pelan ini.

6. Apakah yang akan terjadi jika nilai unit dana saya menjadi sifar atau negatif?

Apabila Sijil mempunyai baki unit menghampiri sifar untuk semua dana-dana, pemegang sijil diberi tempoh tenggang 30 hari untuk membayar sumbangan atau menambah sumbangan bagi Sijil mereka. Sekiranya tempoh tenggang tersebut tamat, Sijil akan luput. Pemegang sijil dibenarkan untuk menguatkuasakan semula Sijil tertakluk kepada peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur menguatkuasaan semula yang diguna pakai ketika itu.

This page is intentionally left blank /
Halaman ini sengaja dikosongkan

Find out more from our Personal Banker today.
Ketahui lebih lanjut daripada Pegawai Perbankan Peribadi kami hari ini.



+603 2178 8888 | ambankislamic.com.my

Distributed by / *Diedarkan oleh:*

AmBank Islamic Berhad 199401009897 (295576-U)

Managed by / *Diuruskan oleh:*

AmMetLife Takaful Berhad 201101002936 (931074-V)

Members of the AmBank Group / Ahli AmBank Group

AmMetLife Takaful Berhad - Head Office / *Ibu Pejabat:*

Level 23, Menara 1 Sentrum,
No. 201, Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur